

SPR Minta Maklumat Dan Bukti Dikemukakan, Bukan Dakwaan Melalui Media Bernama
28 Jun, 2012

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) meminta maklumat dan bukti dikemukakan kepada suruhanjaya itu berhubung Daftar Pemilih SPR dan bukannya membuat pelbagai dakwaan melalui media.

Setiausaha SPR Datuk Kamaruddin Mohamed Baria berkata mana-mana pihak yang mahu memastikan Daftar Pemilih SPR bersih, tepat dan kemas dengan cara membuat semakan di lapangan supaya berbuat demikian.

"Jika ada apa-apa perkara yang kurang jelas mengenai Daftar Pemilih, boleh tampil ke SPR dan SPR ada penjelasan kepada sesuatu perkara itu.

"Memang menjadi hasrat SPR untuk melihat Daftar Pemilih yang ada adalah bersih, tepat dan kemas dan SPR amat memerlukan kerjasama semua pihak dan bukannya sekadar membuat dakwaan melalui media semata-mata," katanya dalam kenyataan di sini Khamis.

Katanya pemilih berdaftar turut dinasihatkan supaya membuat semakan maklumat pendaftaran mereka bagi membolehkan sebarang pembetulan dilakukan, jika berlaku kesilapan.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=676591>